

## Pengarah syarikat didakwa kemuka tuntutan palsu

**KUALALUMPUR:** Seorang pengarah syarikat penawaran tenaga pekerja mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) melibatkan lebih RM1.19 juta, dua tahun lalu.

S. Ratah, 54, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Suzana Hussain.

Mengikut pertuduhan, wanita itu didakwa sebagai pemilik Syarikat Star Skill Sdn. Bhd. telah memberikan Borang Pengelesen Pekerja Program Insentif Pengambilan Pekerja atas nama perusahaan itu, bertarikh 3 dan 6 Mei 2021.

Dokumen berkenaan adalah bagi menuntut insentif di bawah Program Penjana 2.0 Perkeso Kerjaya berjumlah RM1,194,440 di Wisma Perkeso, Jalan Tun Razak di sini sekitar bulan Mei 2021.

Tertuduh mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen tersebut mengandungi pernyataan palsu iaitu 12 nama pekerja baharu sedangkan mereka bukan pekerja Star Skill.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah palsu itu dapat dinilai atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Suzana membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM45,000 dengan seorang penjamin dan memenuhi dua syarat yang dicadangkan oleh pasukan pendakwaan.

Mahkamah kemudian menetapkan 14 Mac ini untuk sebutan kes dan serahan dokumen.